

sistem penggera aktif, anda akan dimaklumkan dengan serta-merta.

3. Pintu Pagar Automatik

Pintu pagar yang automatik termasuk yang dibuka secara gelongsor ataupun secara ayunan. Sistem pintu pagar ini membolehkan anda membuka pintu pagar dengan suis atau alat kawalan jauh. Pintu pagar tersebut tidak dapat dibuka secara kasar, sekali gus akan menyukarkan penceroboh daripada memecah masuk rumah.

4. Mangga Selak-mati (Deadbolt Locks)

Walaupun mangga jenis ini lebih mahal jika dibandingkan dengan mangga biasa, namun ia memberikan kawalan keselamatan yang lebih memuaskan. Mangga ini hanya boleh dibuka dengan kunci sahaja. Mangga selak-mati yang dimasukkan ke dalam papan pintu lebih sukar dibuka oleh penceroboh.

5. Lubang Intai (Peepholes)

Lubang intai membolehkan anda mengesahkan identiti seseorang yang datang sebelum menjemputnya untuk memasuki rumah. Sekiranya anda tidak nampak sesiapa pun

atau tidak mengenali orang yang berada di sebalik pintu, jangan buka pintu.

6. Lampu Sensor (Sensor Lights)

Lampu sensor yang diaktifkan sekiranya pergerakan dikesan. Pemasangan lampu-lampu jenis ini di halaman rumah merupakan cara yang baik untuk mengelak daripada pencerobohan.

7. Lampu Penentu Masa (Light Timer)

Lampu penentu masa merupakan lampu automatik yang mengandungi penderia yang mengesahkan kuantiti cahaya daripada cahaya matahari. Ia akan menyala secara automatik pada waktu malam dan tutup pada waktu siang. Ini dapat memperdaya penceroboh bahawa anda berada di rumah.

MELINDUNGI RUMAH ANDA



**PERUBAHAN
BERMULA DENGAN SAYA**
KEMPEN KONSUMER
KEBANGSAAN 2008 - 2012

Terbitan



CRRC
Consumer
Research and
Resource Centre
(833010-H)

Disokong oleh



Ke Arah Penggunaan Berhemat

www.kkk.org.my

Rumah merupakan tempat di mana kita tinggal di samping menyimpan barang-barang berharga. Ia turut menjadi tempat kebanyakan wang pendapatan disimpan kerana beranggapan bahawa rumah merupakan tempat yang lebih selamat. Namun begitu, persoalan yang sering timbul ialah adakah rumah kita selamat?

Kes-kes melibatkan kejadian pecah masuk rumah kian meningkat saban tahun. Selain daripada menganggap bahawa pihak berkuasa yang sepatutnya bertindak untuk membanteras kes-kes pecah masuk, kita sepatutnya turut memainkan peranan dalam usaha untuk menjamin keselamatan rumah.

Cara-cara untuk menjaga keselamatan rumah

1. Pasangkan gerigi serta kunci pintu dan tingkap dengan mangga.
2. Kunci tangga dan peralatan lain yang boleh digunakan penceroboh untuk memecah masuk ke dalam rumah.
3. Tutup lubang yang ada di kawasan rumah untuk mengelak daripada pencerobohan.

4. Kenal pasti identiti seseorang yang mendakwa bahawa mereka adalah pihak penguatkuasa agensi kerajaan sebelum membenarkan mereka masuk ke dalam rumah.
5. Memangkas dan memotong dahan pokok serta rimbunan tumbuh-tumbuhan di sekeliling kawasan rumah dari semasa ke semasa untuk mencegah penceroboh daripada menggunakannya sebagai tempat persembunyian.
6. Jangan meninggalkan kunci di dalam pasu bunga ataupun di bawah tikar atau hamparan. Sentiasa membawanya bersama-sama.
7. Membela anjing atau angsa yang akan menjaga rumah.
8. Mengadakan hubungan baik dengan jiran-jiran dan saling b a n t u - m e m b a n t u memerhatikan rumah masing-masing.
9. Memastikan bahawa hanya ahli keluarga sahaja yang memiliki kunci rumah, terutamanya selepas berpindah rumah dan menggunakan mangga yang baru.

10. Tutup langsir tingkap terutamanya pada waktu senja dan malam agar tidak menarik perhatian penceroboh.
11. Jangan meninggalkan sebarang tanda-tanda yang menunjukkan anda tiada di rumah. Sekiranya anda meninggalkan rumah untuk tempoh yang panjang, hentikan langganan surat khabar.
12. Berhati-hati dan berwaspada terutamanya semasa musim perayaan kerana pencuri-pencuri sedar bahawa terdapatnya banyak hadiah di dalam rumah yang mungkin berharga. Ini akan menarik perhatian penceroboh.
13. Memastikan bahawa halaman rumah disinari cahaya lampu dan tidak dalam keadaan gelap.
14. Kuncikan semua pintu, tingkap dan pintu pagar apabila meninggalkan rumah, pada waktu malam serta apabila semua ahli keluarga berada di dalam rumah.
15. Sewaktu anda meninggalkan rumah pada waktu petang, nyalakan lampu di berapa kawasan yang strategik. Di samping itu, radio juga boleh dipasangkan.

Peralatan keselamatan rumah

Kini terdapat beberapa teknologi yang boleh digunakan untuk melindungi kediaman anda di samping untuk memaklumkan anda seandainya berlaku sebarang aktiviti pecah masuk. Antara peralatan yang mampu melindungi rumah anda seperti:

1. CCTV

Anda boleh membeli CCTV yang dapat merakamkan pergerakan. Namun begitu, pembelian CCTV jenis ini memerlukan wang yang banyak. Sebagai pilihan lain, anda boleh mendapatkan CCTV palsu yang seiras dengan CCTV yang sebenarnya. Kewujudannya boleh menakutkan penceroboh walaupun ia sebenarnya tidak berfungsi.

2. Sistem Penggera

Penggera akan berbunyi sebaik sahaja ada orang yang cuba membuka pintu atau tingkap yang telah dipasangkan dengan sistem penggera. Pastikan bahawa anda memilih pakej sistem penggera yang membolehkan anda mengaktifkan atau mematikan-nya dengan menggunakan telefon bimbit. Selain itu, anda perlu memastikan bahawa sekiranya